



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI



HARI KUALITI & INOVASI PERKHIDMATAN 2015

5 NOVEMBER 2015

DEWAN BESAR, PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN, SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

RASIONAL

JULUNG kalinya UPM meletakkan tema bagi meraikan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan 2015.

Membudayakan Inovasi, Meraikan Kreativiti telah diangkat sebagai tema yang mana memperjelaskan penstrukturan dan penyusunan semula segala pemikiran ciptaan pembaharuan dengan idea, imej dan pendapat yang berbeza ke arah penghasilan berlainan secara berkumpul serta penyampaian hasil yang berpotensi dan kualiti tinggi.



SEKAPUR SIREH



السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Hari Kualiti dan Inovasi (HKIP) 2015 atas kejayaan menganjurkan Sambutan HKIP Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun ini.

Pelbagai cabaran yang kompleks

berikutan perubahan pantas dari segi sosial dan ekonomi terpaksa dihadapi oleh sektor perkhidmatan awam.

Persekitaran ini menuntut sistem penyampaian dinamik untuk melahirkan idea kreatif melalui tindakan inovatif.

Dalam konteks ini warga universiti perlu berani untuk mencabar *status quo* dan menyanggah pendekatan konvensional dengan menampilkan idea unik untuk mencorakkan produk baharu, proses baharu atau menyelesaikan masalah tertentu.

UPM turut merealisasikan pembudayaan inovatif dan kreatif melalui penghasilan perkhidmatan yang bukan sahaja

memenuhi kehendak tetapi juga melangkaui ekspektasi pelanggan dan pemegang taruh. Warga kerja universiti harus lebih proaktif dalam menyediakan perkhidmatan yang menjurus kepada keperluan pelanggan. Sikap toleransi dan berkongsi idea adalah antara faktor penting dalam usaha UPM untuk menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa dan tersenarai dalam kelompok 200 universiti terbaik dunia pada tahun 2020 sepertimana yang telah dihasratkan dalam inisiatif Putra Global 200.

Dengan itu, matlamat UPM untuk melahirkan insan minda kelas pertama dan memindahkan ilmu serta kepakaran kepada masyarakat akan dapat direalisasikan bagi memenuhi tuntutan dan keperluan negara. Ini bersesuaian dengan hasrat Malaysia untuk menjadikan inovasi sebagai peneraju utama pertumbuhan ekonomi negara seperti yang digariskan dalam Lonjakan ke-7 Ekosistem Inovasi yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Inilah antara




inti pati slogan Pertanian.Inovasi.Kehidupan yang diperkenalkan oleh UPM dalam menerajui bidang pertanian dan pendidikan tinggi negara.

Semoga sambutan HKIP UPM pada kali ini dapat melonjakkan penghasilan idea kreatif dan inovatif seterusnya menjadikannya sebagai medan pengiktirafan terhadap kecemerlangan warga kerja UPM bersesuaian dengan tema HKIP UPM 2015 iaitu 'Membudayakan Inovasi, Meraikan Kreativiti'.

BERILMU BERBAKTI
PERTANIAN.INOVASI.KEHIDUPAN

Sekian, terima kasih.



Profesor Dato' Dr. Mohd. Fauzi Haji Ramlan
D.P.M.S., D.M.S.M., J.S.M.
Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia

“Dengan itu, matlamat UPM untuk melahirkan insan minda kelas pertama dan memindahkan ilmu serta kepakaran kepada masyarakat akan dapat direalisasikan bagi memenuhi tuntutan dan keperluan negara.”



SEULAS PINANG



السَّلَامَةُ عَلَيْنَا وَمِنْ مَكْنَى اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Inovasi kini menjadi penanda aras global yang menuntut keupayaan penciptaan yang bersifat baharu, unik dan bermanfaat, serta mampu berfungsi sebagai pemangkin kepada kesejahteraan negara. Sesebuah organisasi yang berjaya dan maju menjadikan inovasi sebagai kompetensi utama yang memperlihatkan idea dan maklum balas dijadikan asas dalam usaha penambahbaikan yang berterusan agar memberi impak positif dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Oleh itu, adalah penting bagi warga UPM untuk membudayakan inovasi dalam tugas seharian dengan mempamerkan tahap daya fikir, kreativiti dan inovasi yang tinggi, serta berterusan mencari sesuatu yang

baharu. Pembudayaan ini akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan Universiti, seterusnya dapat memenuhi kehendak dan aspirasi pelanggan. Warga UPM perlu melakukan anjakan paradigma supaya terus relevan dan selari dengan keperluan perkhidmatan dan amalan kerja semasa.

Tahun ini merupakan tahun ketiga Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan di UPM. Sambutan ini adalah bagi menyokong Matlamat ke-5 Pelan Strategik UPM 2014-2020 dalam mempertingkatkan kualiti tadbir urus. Pelbagai kategori pengiktirafan dan penghargaan diwujudkan dengan harapan ia akan memotivasikan warga UPM untuk terus berkarya secara inovatif bagi peningkatan penyampaian perkhidmatan Universiti.



Akhir kata, syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam pertandingan anugerah pada kali ini. Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada semua ahli jawatankuasa dan warga UPM yang menjayakan sambutan HKIP tahun ini. Semoga Allah SWT merahmati usaha kita ini demi kecemerlangan Universiti dan negara.

Sekian, terima kasih.



Dato' Wan Azman Wan Omar

D.S.I.S.

Pendaftar

merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan UPM 2015

“Sambutan ini adalah bagi menyokong Matlamat ke-5 Pelan Strategik UPM 2014-2020 dalam mempertingkatkan kualiti tadbir urus”



BIODATA PENCERAMAH



Kolonel (K) Profesor Tan Sri Datuk Wira Dr. Haji Mohd Shukor Haji Mahfar merupakan Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Beliau mempunyai ijazah PhD (Public Administration) dan MS (Taxation) daripada Golden Gate University, USA serta B.A.Hons (Economics) daripada Universiti Malaya.

Beliau juga telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan daripada Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) pada 17 Ogos 2014.

Kerjaya beliau bermula pada 1978 sebagai seorang pegawai bank. Bermula pada 1979 hingga 7 Januari 2011, beliau berkhidmat di Lembaga Hasil Dalam Negeri dan antara jawatan pentadbiran beliau adalah sebagai Pegawai Penaksir, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian), Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) dan Ketua Pegawai Eksekutif, LHDNM mulai 8 Januari 2011 hingga kini.

Beliau adalah seorang yang pakar dalam bidang percukaian di Malaysia dan sering dirujuk oleh pelbagai pihak termasuk dari luar negara untuk memberikan perspektif kepakaran dalam bidang percukaian. Kepakaran beliau dikongsi bersama dengan warga universiti awam dan swasta melalui pelantikan beliau sebagai Profesor Adjung di Universiti Teknologi MARA (UiTM), UNITEN, Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR), University College of Technology Sarawak (UCTS), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Di samping itu, beliau sering kali dijemput untuk menyampaikan syarahan, ceramah dan dilantik sebagai ahli panel dalam forum yang bukan sahaja berkaitan percukaian semata-mata tetapi turut meliputi aspek kepemimpinan dan pengurusan. Pada Mei 2015, beliau telah dianugerahkan Professor of Leadership oleh IIC University of Technology, Cambodia.

Sebagai seorang pemimpin yang dikenali di LHDNM, beliau juga telah mendapat pengiktirafan dengan memegang pelbagai jawatan seperti Presiden Persatuan Badan Berkanun Malaysia dan Pengerusi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Insentif untuk Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN). Beliau turut dipilih sebagai Pengerusi, The Commonwealth Association of Tax Administrators (CATA) yang dianggotai oleh 48 buah



negara. Tan Sri Shukor juga merupakan salah seorang daripada anggota lembaga LHDNM, ahli Lembaga Pengurusan PTPTN dan juga ahli Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara.

Kewibawaan beliau sebagai pemimpin organisasi diiktiraf oleh pelbagai agensi antaranya Super CEO oleh Innovation Malaysia Foundation, Eminent Personality Special Award for Integrity and Governance oleh The BrandLaureate, Lifetime Achievement Award-Outstanding Contributions in Shaping People oleh The Asia HRD, Lifetime Achievement Award oleh American Leadership Development Association (ALDA) dan CEO of the Year Asia oleh The European Emerging Markets Awards 2015.

“Tan Sri Shukor juga merupakan salah seorang daripada anggota lembaga LHDNM, ahli Lembaga Pengurusan PTPTN dan juga ahli Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara”

Transformasi kepemimpinan yang beliau terapkan di LHDNM menunjukkan pencapaian yang positif dalam peningkatan kutipan cukai setiap tahun. Rekod kutipan tertinggi dalam sejarah adalah pada 2011 melebihi RM104 billion. Kutipan cukai meningkat kepada RM124.990 billion pada tahun 2012, RM128.907 billion pada 2013 dan RM133.695 billion pada 2014. Atas faktor pencapaian cemerlang ini, kerajaan telah memilih LHDNM sebagai agensi yang diamanahkan untuk melaksanakan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang mana program perintis telah dijalankan pada 2012. Kejayaan ini dapat dilihat apabila kerajaan terus memberikan kepercayaan kepada LHDNM untuk melaksanakan BR1M yang kini telah berada dalam tahun yang ketiga.

Berdasarkan sumbangan serta khidmat bakti beliau kepada masyarakat dan negara, beliau telah dikurniakan dengan beberapa darjah kebesaran, antaranya ialah Darjah Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong pada 2 Jun 2012 yang membawa gelaran Tan Sri dan Darjah Cemerlang Seri Melaka (DCSM) oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertuan Negeri Melaka pada 15 Ogos 2014 yang membawa gelaran Datuk Wira. Darjah kebesaran lain yang turut diterima beliau ialah DPTJ oleh Almarhum Tuanku Ja'far Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan pada 19 Julai 2007. Beliau juga pernah menerima Pingat Johan Setia Mahkota (J.S.M) pada 2006 oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong dan Darjah Kebesaran Bintang Cemerlang Melaka (B.C.M) pada 2004.



ATUR CARA

8.30 pagi	Ketibaan Jemputan/Staf
8.45 pagi	Perkongsian: Membudayakan Inovasi, Meraikan Kreativiti oleh YBhg. Kolonel (K) Profesor Tan Sri Datuk Wira Dr. Haji Mohd Shukor Haji Mahfar Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
10.30 pagi	Ketibaan Tetamu Kehormat Lagu <i>Negaraku</i> Lagu <i>Putra Gemilang</i> Bacaan Doa Lafaz Ikrar Hari Inovasi Ucapan Alu-aluan Pendaftar Ucapan Naib Canselor Penyampaian Anugerah <ul style="list-style-type: none">• Anugerah Mencipta Tema HKIP• Anugerah Pelaksanaan Amalan 5S• Anugerah Pengurusan Lean• Anugerah Idea Inovasi• Anugerah Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif• Anugerah Inovasi Perkhidmatan• Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran Lagu <i>Hari Inovasi</i> Lawatan Pameran
12.30 tengah hari	Jamuan/Bersurai



LATAR BELAKANG

Pada tahun 2013, UPM buat julung kalinya telah melaksanakan sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM. Majlis tersebut adalah sebagai menyahut seruan kerajaan bahawa agenda transformasi negara hendaklah berpaksikan inovasi dan kreativiti.

Pada tahun ini, aktiviti tersebut diteruskan lagi. Selain menyahut saranan kerajaan, pelaksanaan HKIP ini merupakan sebahagian daripada aktiviti peningkatan inovasi yang menyumbang kepada pencapaian Matlamat ke-5 dalam Pelan Strategik UPM 2014-2020 iaitu Mempertingkatkan Kualiti Tadbir Urus.

Penganjuran anugerah ini bermula pada Februari secara berterusan, sehinggalah penilaian aktiviti pada September dan pemenang bagi setiap anugerah diumumkan dan disampaikan semasa Majlis HKIP.

Terdapat tujuh kategori anugerah dianjurkan sepertimana berikut:

1. Anugerah Mencipta Tema HKIP
2. Anugerah Pelaksanaan Amalan 5S
3. Anugerah Pengurusan Lean
4. Anugerah Idea Inovasi
5. Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif
6. Anugerah Inovasi Perkhidmatan
7. Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran

Terdapat tiga anugerah baharu yang diperkenalkan pada 2015 iaitu Anugerah Pengurusan Lean, Anugerah Idea Inovasi dan Anugerah Mencipta Tema HKIP.



OBJEKTIF DAN PELAKSANAAN

Secara umumnya, objektif sambutan HKIP UPM ialah:

- Meningkatkan kesedaran warga UPM terhadap kepentingan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan kerja;
- Memupuk dan memperkukuh nilai-nilai budaya inovasi dan kreativiti di UPM;
- Merealisasikan pengamalan proses, pendekatan dan budaya berteraskan ciri-ciri inovatif dan kreatif dalam perkhidmatan; dan
- Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Anugerah Mencipta Tema HKIP

Objektif

- i. Memberi penghargaan dan pengiktirafan secara formal kepada staf untuk melahirkan idea yang kreatif dan inovatif dalam mencipta tema Hari Inovasi; dan
- ii. Menggalakkan persaingan yang sihat dalam kalangan staf dan memupuk semangat kerjasama dalam menyumbang idea.

Kaedah Pelaksanaan

Warga UPM yang menghantar tema HKIP akan dinilai oleh Jawatankuasa untuk pemilihan tema terbaik. Tema yang dipilih diguna pakai untuk HKIP 2015. Pada tahun ini sebanyak 26 tema telah dikemukakan oleh 10 staf UPM.



Anugerah Pelaksanaan Amalan 5S

Objektif

- i. Memberi pengiktirafan kepada PTJ yang mempunyai prestasi yang cemerlang dan sentiasa berusaha ke arah meningkatkan kualiti pengamalan 5S dan perkhidmatan;
- ii. Menggalakkan kerjasama dan membentuk budaya saling membantu secara berterusan dalam kalangan kakitangan bagi mewujudkan dan mengekalkan suasana tempat bertugas yang bermaklumat, bersih, kemas, teratur dan mesra pelanggan; dan
- iii. Menggalakkan persaingan sihat antara PTJ di UPM ke arah penambahbaikan yang berterusan dalam amalan pengurusan kualiti dan urus tadbir 5S yang baik.

Kaedah Pelaksanaan

Penilaian pertandingan ini memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut:

- a. Usaha Ke Arah 5S
- b. Ruang Tempat Kerja (Pejabat)
- c. Persekitaran Tempat Kerja

Pada tahun ini, 13 PTJ telah dinilai setelah mendapat maklum balas kesediaan 5S, berbanding lima PTJ pada tahun 2013 dan 16 PTJ tahun 2014. Tiga belas PTJ yang dinilai adalah:

1. Pejabat Naib Canselor
2. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
3. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)
4. Pejabat Pendaftar
5. Fakulti Pengajian Pendidikan
6. Fakulti Ekologi Manusia
7. Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
8. Institut Biosains
9. Pusat Transformasi Komuniti Universiti
10. Pusat Pengurusan Penyelidikan
11. Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear
12. Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
13. Putra Science Park



Anugerah Pengurusan Lean

Objektif

- i. Berkongsi amalan terbaik Pengurusan Lean daripada agensi luar yang telah berjaya melaksanakan Pengurusan Lean;
- ii. Memberi pengiktirafan dan insentif kepada pasukan yang telah berjaya melaksanakan aktiviti lean dan projek penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh PTJ di UPM;
- iii. Berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai aktiviti lean dan projek penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh PTJ; dan
- iv. Memupuk budaya penambahbaikan berterusan dan mengutamakan nilai kepada pelanggan di UPM.

Kaedah Penyertaan

Penyertaan Pertandingan Leanova@UPM 2015 adalah terbuka kepada kesemua 13 Projek Lean UPM dan mana-mana PTJ di UPM yang telah melaksanakan aktiviti Lean dan projek penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh PTJ di UPM pada tahun 2014 dan 2015.

Nama Ahli	PTJ	Tajuk Projek
Siti Rozana Supian (Ketua) Besek Intan Zafina Basok Galinda Kamaruzzaman Hasnidar Abdul Kadir Shahrizan Paiti Siti Amirah Azman Mohamad Taufik Rahmat	Pejabat Pendaftar	Proses Pelantikan Pegawai Akademik Gred 51-53
Haji Mohd. Nizan Jaffar (Ketua) Haji Ideris Hadzir Asriduan Ramli Suziana Sidik Norzira Nordin	Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA)	Proses Permohonan Khidmat Pembangunan



Nama Ahli	PTJ	Tajuk Projek
Mohd. Shafree Ahmad (Ketua) Hamidah Meseran Haryati Abdullah Norazlin Yusof Juraidah Mohamad Amin Azizi Sabron Huda Khairuddin Maziah Alias Khairul Anuar Ibrahim Shamiza Sharif Rostam Abu Bakar Azhana Abdullah	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC)	Proses Pembangunan Aplikasi
Roslan Ariffin (Ketua) Nazibah Kamaruddin Fazlin Shamsudin Azhar Ahmad Abdul Haris Wahab Nor Safaaton Saidin Siti Mariam Gimam Siti Mulyani Surif	Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS)	Proses Menyusun Kembali Buku yang Dipulangkan ke Rak Mengambil Masa yang Lama
Rahmawati Umar (Ketua) Luna Liza Razali Haryati Kamaruzaman Rosmizawani Che Awang Hafizah Mohd. Isa Muhamad Shah Abu Soed	Sekolah Pengajian Siswazah	Proses Pengambilan Pelajar Siswazah



Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif

Objektif

- i. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf yang terlibat dengan memberi peluang kepada Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) menyampaikan idea dan kreativiti;
- ii. Meyakinkan pusat tanggungjawab (PTJ) di UPM bahawa KIK dapat membantu menyelesaikan masalah berkaitan kerja dan seterusnya membuat penambahbaikan secara berterusan;
- iii. Menjadikan KIK sebagai landasan budaya kerja berkualiti; dan
- iv. Mengenal pasti wakil KIK ke pertandingan KIK di peringkat yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Kaedah Pelaksanaan

Proses pemilihan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi Anugerah KIK dibuat melalui dua kaedah iaitu berdasarkan:

1. Penarafan bintang semasa penyertaan pasukan KIK UPM di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Universiti Awam bagi tahun 2015; dan
2. Penilaian oleh Panel Penilai KIK yang dilantik.

Penyertaan pasukan KIK ke konvensyen telah dibuat berdasarkan kumpulan yang telah disenarai pendek, mengambil kira analisis kemajuan projek yang diadakan sepanjang tempoh Januari hingga Mac 2015 dan kesediaan kumpulan memenuhi kriteria penilaian KIK yang ditetapkan. Pasukan KIK yang terpilih adalah:



Kumpulan	Nama Ahli	PTJ	Kategori Projek	Tajuk Projek	Hasil Inovasi
FLORA	Mohd. Sopian Mohd. Zin (Fasilitator) Mohd. Shahrul Nizam Ahmad Sanusi (Ketua) Fatimah Mohamed Saudah Yusoff Zamani Mohd. Daud Zakaria Tahar Intan Suraya Abu Bakar Fazrul Azree Mohd. Arif	Fakulti Perhutanan	Teknikal	Memudahkan Pemindahan Polibeg Anak Pokok dari Petak ke Petak dengan Keperluan Peratusan Cahaya yang Berbeza Mengikut Peringkat Umur	Sistem Pengurusan Tapak Semaian (PM-FLORA)
UNICARE	Dr. Ahmad Kamarul Juperi (Fasilitator) Fairus Mohamad (Ketua) JP. Nalitha Hazirah Norman Zanita Aini Zainal Aripin DK Masni PG Kifli Sn. Wan Nurul Ain Wan Zahidi Hazri Mohd @ Ghazani Mohd Rosli Sabri Idris Amri Nur Ain Sa'adah Ghozali Liana Suratman @ Suraman	Pusat Kesihatan Universiti	Pengurusan	Pelanggan Menunggu Lama untuk Mendapatkan Rawatan Pergigian di Pusat Kesihatan Universiti, UPM	Sistem Temujanji Pergigian atas Talian (DensApptS)



Anugerah Idea Inovasi (Idea-IQ)

Objektif

- i. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf yang telah menyumbangkan idea inovasi/tajuk projek yang terbaik, praktikal serta berpotensi untuk diketengahkan sebagai projek Inovasi Perkhidmatan atau Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di Universiti Putra Malaysia; dan
- ii. Menggalakkan pembentukan budaya fikir yang kreatif dan inovatif dalam kalangan staf UPM sebagai pemangkin ke arah penghasilan produk inovasi perkhidmatan UPM berimpak tinggi.

Kaedah Pelaksanaan

Pertandingan Idea Inovasi (Idea – IQ) adalah terbuka kepada semua staf UPM di mana sumbangan Idea Inovasi yang dihantar oleh staf UPM akan dinilai dari aspek kreativiti dan inovatif serta kesesuaian untuk diketengahkan serta direalisasikan sebagai projek Inovasi Perkhidmatan atau Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di UPM.

Sebanyak 32 penyertaan oleh staf UPM telah diterima dan dinilai oleh Jawatankuasa Kecil Penyelarasan dan Anugerah Idea Inovasi pada peringkat awal. Jawatankuasa telah menyenarai pendek sebanyak 11 Idea-IQ untuk menjalani Sesi Penjelasan Idea-IQ dan seterusnya memilih 4 Idea-IQ terbaik yang berpotensi dan praktikal untuk diketengahkan sebagai projek Inovasi Perkhidmatan atau Kumpulan Inovatif dan Kreatif di UPM.

Anugerah Inovasi Perkhidmatan

Objektif

- i. Memberikan pengiktirafan secara formal kepada PTJ yang telah menunjukkan hasil inovasi;
- ii. Menggalakkan perkongsian pintar amalan terbaik yang menghasilkan inovasi;
- iii. Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara bekerja untuk diamalkan di PTJ;
- iv. Mengenal pasti dan memperkenalkan hasil inovasi yang boleh dicontohi untuk faedah PTJ lain; dan
- v. Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Kaedah Pelaksanaan

Penyertaan bagi Anugerah Inovasi Perkhidmatan hendaklah hasil daripada idea yang dicetuskan oleh ahli Fakulti/ Institut/Pusat Kecemerlangan/Unit/Jabatan/staf Universiti Putra Malaysia sahaja. Permohonan lengkap mestilah melalui pencalonan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebelum dihantar kepada pihak urus setia. Inovasi yang dihasilkan hendaklah memberi faedah yang jelas dari segi penyelesaian masalah, peningkatan kualiti dan produktiviti sesebuah organisasi. Setiap PTJ boleh mencalonkan sekurang-kurangnya satu permohonan dan maksimum tiga hasil inovasi mereka. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada urus setia untuk penilaian dan proses tapisan awal oleh pihak urus setia bagi memastikan PTJ memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan.



Proses ini akan melibatkan aktiviti saringan oleh beberapa orang Jawatankuasa Panel Penilai yang dilantik oleh urus setia. Setelah permohonan diterima, proses penilaian keseluruhan oleh Panel Penilai Utama akan dilaksanakan. Antara proses yang terlibat dalam proses penilaian utama adalah pengesahan dokumen atau lawatan penilaian oleh Panel Penilai Utama ke lokasi PTJ jika terdapat keperluan. Penilaian seterusnya adalah melalui pembentangan ringkas oleh wakil PTJ/individu berkaitan projek inovasi yang dicalonkan kepada para Panel Penilai Utama mengikut kepada kriteria yang telah ditetapkan. Setelah semua proses ini selesai, pihak urus setia akan membuat pemurnian dan perakuan pemenang oleh Jawatankuasa Kecil Panel Penilai dan kelulusan oleh Pengerusi Jawatankuasa Induk HKIP.

Syarat-syarat Penyertaan

1. Penilaian pertandingan ini memberi tumpuan kepada perkara berikut:
 - a. Inovasi hendaklah hasil idea yang dicetuskan oleh Fakulti/Institut/Pusat Kecemerlangan/Unit/Jabatan/staf Universiti Putra Malaysia;
 - b. Penyertaan hendaklah melalui pencalonan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ);
 - c. Inovasi yang dihasilkan hendaklah memberi faedah yang jelas dari segi penyelesaian masalah, peningkatan kualiti dan produktiviti sesebuah organisasi;
 - d. PTJ boleh mencalonkan sekurang-kurangnya satu (1) permohonan dan maksimum tiga (3) hasil inovasi).
2. Inovasi yang tidak layak menyertai anugerah ini ialah:
 - a. Inovasi daripada hasil penyelidikan dan pembangunan atau R&D yang tiada kaitan dengan peningkatan kualiti dan produktiviti organisasi;
 - b. Inovasi untuk tujuan komersial;
 - c. Inovasi yang sudah tidak diguna pakai/diaplikasi pada tahun dinilai.



Penyertaan Inovasi Perkhidmatan bagi Tahun 2015

Kumpulan	Nama	PTJ	Tajuk
UCTC Green Fingers	Zaidi Tajuddin (Ketua) Khairul Azmi Za'ba Muhammad Adip Mohd Tamami Muhammad Syafiq Kamal Faridah Abdullah Mohd Ehwan Nasir Azmee Prof. Madya Dr. Hawa Jaafar	Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC)	Putra UA Kit- Labisia
FOODCliks	Prof. Dato' Dr. Mohd Yazid Abd Manap (Ketua) Syed Izaharudden Syed Isa Siti Ima Munirah Ahmad Norazlindawati Hashim	Fakulti Sains dan Teknologi Makanan	Foodcliks Administration System
We-FBI	Aziah Haji Noh Nor Hamizah Mashud Nooroslinda Nordin Nor Muliana Abdul Samad Mohd Dinul Syahidi Sabardin	Institut Biosains	Information Smart Board
Eco-Euphoria	Salmina Sulaiman (Ketua) Shahriman Hashim Mohamad Nazry Hisham Normaziah Zulkifli Farah Zeehan Mohd Nazri Sharifah Hussin Rahman Basman Amir Nordin Abu Bakar Harnita Abdul Wahab	Fakulti Ekologi Manusia	Frenzy Board



Kumpulan	Nama	PTJ	Tajuk
Ecofuté	Najimuddin Zakaria (Ketua) Mohd Fadliey Arshad Saifuddin Abu Bakar Akashah Haji Talip Rozlita Puasa Norazmah Mohmed Suzelin Samsi Nurul Azra Ab. Malik Nur Syazwani Othman	Fakulti Ekologi Manusia	Eco-Sign System
The Hobbit	Siti Ima Munirah Ahmad (Ketua) Ramli Sulong Wirdah Haji Adam Nurul Syamimi Mohd Sumairi Mohd Zaidi Mohamad Zain Zahrah Ramso Azizi Sabron Maziah Alis@Alias Norazlin Yusof Khairul Anwar Ibrahim	Pejabat Pendaftar dan Pusat Pembangunan Maklumat & Komunikasi (iDEC)	Sistem Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (e-LPPT)
UPMIP	Suzalina Akma Awing (Ketua) Shamiza Sharif Norhezrulsham Muhamad Nodin Shafiz Ishak	Putra Science Park & Pusat Pembangunan Maklumat & Komunikasi/ iDEC	Sistem UPMIP (Universiti Putra Malaysia Intellectual Property)



Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran

Objektif

- i. Menilai dan mengukur prestasi PTJ bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berada pada tahap yang cemerlang;
 - ii. Memberi pengiktirafan kepada PTJ yang telah menunjukkan tahap tadbir urus yang terbaik serta sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan yang unggul; dan
 - iii. Menggalakkan persaingan yang sihat dalam kalangan PTJ untuk mengamalkan pengurusan organisasi dan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan.
- b. Komponen Perkhidmatan Teras (25%), yang melibatkan dua kriteria iaitu;
 - i. Pelaksanaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif, Inovasi
 - ii. Pelaksanaan Amalan 5S
 - c. Komponen Kepuasan Pelanggan (25%), yang melibatkan lima kriteria iaitu;
 - i. Kajian Kepuasan Pelanggan
 - ii. Pemantauan maklum balas pelanggan (Sistem U Respons)
 - iii. Penghargaan
 - iv. Pengurusan aduan awam
 - v. Layanan melalui telefon

Kaedah Pelaksanaan

Fokus utama dalam penggredan Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran adalah berdasarkan tiga komponen teras seperti berikut, dan melibatkan semua PTJ:

- a. Komponen Pengurusan (50%), yang melibatkan lima kriteria iaitu;
 - i. Pengurusan Aset
 - ii. Pengurusan Sumber Manusia
 - iii. Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
 - iv. Pengurusan Laman Web PTJ
 - v. Pengurusan Kualiti



SEKALUNG TAHNIAH

Setinggi-tinggi penghargaan dan sekalung tahniah
diucapkan kepada semua pemenang!



LATAR BELAKANG PROJEK INOVASI PERKHIDMATAN

1. FOODCLICKS ADMINISTRATION SYSTEM

PTJ: Fakulti Sains dan Teknologi Makanan

Nama Pasukan: FOODClicks

Nama Ahli Kumpulan:

Prof. Dato' Dr. Mohd. Yazid Abd Manap
Syed Izaharudden Syed Isa
Siti Ima Munirah Ahmad
Norazlindawati Hashim

SINOPSIS PROJEK

FOODClicks adalah portal setempat untuk Aplikasi Borang-borang Tempahan, Aduan, Pengurusan Maklumat, Status Permohonan dan Pentadbiran yang dipacu oleh Teknologi Maklumat (IT) secara Online.

Sistem ini dibangunkan secara *in-house* di Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, UPM, diharapkan portal ini akan membantu urusan pentadbiran dan pengurusan secara lebih berkesan, seterusnya memanfaatkan penggunaan ICT secara lebih meluas di Fakulti.

Selain itu pembangunan dan penerokaan sistem dan aplikasi baharu akan dijalankan dari semasa ke semasa, secara berperingkat, mengikut keperluan dan kesesuaian di Fakulti.

Kesan pembangunan sistem ini kepada organisasi adalah:

- i. Membantu PTJ menjalankan urusan pentadbiran dan tadbir urus dengan lebih sistematik;
- ii. Membekalkan maklumat dengan cepat dan memproses data dengan tepat;

- iii. Mengukur tahap kompetensi staf dalam melaksanakan tugas;
- iv. Pengurusan stor dan aset PTJ dapat ditadbir urus dengan cemerlang berdasarkan keputusan audit dalaman.

2. FRENZY BOARD

PTJ: Fakulti Ekologi Manusia

Nama Pasukan: Eco-Euphoria

Nama Ahli Kumpulan:

Salmira Sulaiman (Ketua)
Mohamad Nazry Hisham
Normaziah Zulkifli
Farah Zeehan Mohd Nazri
Sharifah Hussin
Rahman Basman
Amir Nordin Abu Bakar
Harnita Abd Wahab
Shahriman Hashim (Fasilitator)

SINOPSIS PROJEK

“Frenzy-board” merupakan inovasi teknikal yang menghasilkan sebuah *display board* yang mesra pengguna dan mudah alih. Inovasi ini dapat menjimatkan masa pemasangan, mengurangkan tenaga kerja dan kos terutama ketika aktiviti pameran yang sering diadakan di peringkat fakulti dan universiti. Selain itu, penggunaan “Frenzy-board” boleh mengurangkan kadar kecederaan yang boleh berlaku semasa pemasangan *display board* biasa.

- i. Melalui pelaksanaan inovasi ini, Fakulti Ekologi Manusia dapat



- ii. Mengurangkan kos penyediaan pameran;
- iii. Mengurangkan kadar kecederaan yang berlaku setiap kali pemasangan *display board*;
- iv. Membolehkan semua kakitangan boleh memasang *frenzy board*;
- v. Memudahkan proses membuka dan menyimpan kerana tiada komponen kecil, menggunakan ruang yang kecil untuk penyimpanan;
- vi. Membantu memudahkan pergerakan kerana beroda, lebih ringan dan *compact*;
- vii. Membolehkan pelbagai jenis material poster yang dibekalkan ditampal tanpa merosakkan poster tersebut kerana permukaan yang *adaptable*;
- viii. Membolehkan sehingga 6 keping poster dipamerkan pada satu-satu masa.

3. SISTEM LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN E-LPPT

PTJ: Pejabat Pendaftar dan Pusat Pembangunan Maklumat & Komunikasi (iDEC)

Nama Pasukan: The Hobbit

Nama Ahli Kumpulan:

Siti Ima Munirah Ahmad (Ketua)
 Ramli Sulong
 Wirdah Haji Adam
 Nurul Syamimi Mohd Sumairi
 Mohd Zaidi Mohamad Zain
 Zahrah Ramso
 Azizi Sabron
 Maziah Alis@Alias
 Khairul Anwar Ibrahim
 Norazlin Yusof

SINOPSIS PROJEK

Pengurusan prestasi berfungsi menjajarkan maklumat individu kepada matlamat organisasi, di samping untuk memantau serta menilai prestasi individu berdasarkan kepada Petunjuk Prestasi Utama atau KPI. Ia juga menggalakkan pemantauan sendiri untuk mendorong kepada penambahbaikan yang berterusan. Pengurusan Prestasi juga menghubungkan prestasi kepada pembangunan kerjaya, keperluan pembangunan serta ganjaran.

